

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Dasar luar merupakan polisi sesebuah negara dalam menjalani hubungan antarabangsa dengan negara lain¹. Ia adalah gabungan pemikiran dan penelitian bagi membimbing serta mengawal kelakuan negara dalam hubungannya². Kebijaksanaan mengendalikan dasar luar, termasuk kepekaan terhadap kepentingan nasional dan serantau serta semangat setiakawan antara satu negara dengan negara lain menjadi pra syarat hubungan yang berjaya. Inilah yang dimaksudkan oleh Holsti apabila beliau menganggap dasar luar sebagai tindakan yang diambil oleh pembuat dasar bagi membentuk dan menyelesaikan sesuatu masalah atau untuk menghasilkan perubahan kepada alam sekelilingnya³. Klaus Knoor melihat dasar luar sesebuah negara sebagai sesuatu tindakan, atau strategi kerajaan sama ada untuk menghapus, mengurang, mengekal atau memperluaskan kerjasama atau konflik antara negara⁴.

Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa dasar luar adalah perlakuan asas perhubungan negara dengan negara lain dalam satu-satu suasana politik antarabangsa. Dengan demikian, sesuatu dasar luar itu dilakukan mengikut syarat-syarat kepentingan negara agar

objektif dasar luarnya berjaya dicapai dengan berkesan. Keberkesanan perlaksanaan sesuatu dasar itu akan membawa kepada pencapaian matlamat yang telah dirangka itu.

Objektif dasar luar ialah pengiktirafan, keselamatan dan kesejahteraan sesebuah negara⁵. Pembabitan ini memberi gambaran menyeluruh terhadap keupayaan sesebuah negara dari pandangan masyarakat antarabangsa. Objektif-objektif ini saling mempengaruhi antara satu sama lain. Pengiktirafan merujuk kepada keinginan untuk diterima sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat serta mempunyai sistem pentadbiran sendiri. Sehubungan ini, dasar luar yang dibentuk itu perlu terkawal serta berjaya membawa pembangunan dan keamanan kepada rakyat. Negara perlu dilihat oleh dunia luar sebagai entiti yang mantap dalam pentadbiran dan mendapat sokongan rakyat. Dengan kata lain, kewujudan sesebuah negara itu perlu ditonjolkan kepada dunia luar⁶. Keselamatan pula mempunyai hubung kait yang rapat dengan pengiktirafan. Sesebuah negara memerlukan perlindungan bertujuan membendung kuasa asing daripada menceroboh dan menguasai negara.

Mengikut Arnold Wolfers keselamatan bererti negara perlu wujud sebagai satu kesatuan⁷. Dengan adanya sistem keselamatan yang baik, sesebuah negara akan dapat mempertahankan diri daripada ancaman luar pada bila-bila masa, walaupun terpaksa melalui kekerasan seperti peperangan. Menurut beliau lagi; "*Security rises and falls with the ability of a nation to deter an attack or to defeat it*"⁸. Untuk menjamin keselamatan negara, sebahagian pemimpin menumpukan perhatian

kepada pertahanan negara mereka sendiri sahaja. Ada negara yang memilih bergabung dengan kuasa-kuasa besar. Negara yang cuba mempertahan diri daripada ancaman luar ini mempunyai kebebasan yang lebih dalam membentuk dasar luar. Walaupun begitu, ia tidak hanya bergantung kepada faktor ketenteraan, malah juga melibatkan ekonomi dan politik sesebuah negara⁹. Pergantungan kepada kuasa-kuasa kadangkala dielakkan, seperti dengan mengisyiharkan diri berkecuali dalam isu-isu antarabangsa. Negara yang mengamalkan dasar ini merasakan kekuatan tentera mereka tidak menyeluruh. Negara ini akan berbaik-baik dengan semua negara termasuk yang berlainan fahaman dengannya¹⁰. Ini bertujuan mengelakkan sebarang konflik dengan negara-negara luar yang boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif.

Kesejahteraan rakyat di dalam sesebuah negara adalah tanggungjawab pembuat dasar. Ini merupakan matlamat penting kerana rakyat tidak boleh diabaikan di dalam penggubalan sesuatu dasar. Pertimbangan untuk mencapai matlamat ini perlulah diserta dengan pelbagai program yang boleh memberikan kebajikan kepada seluruh rakyat. Kesejahteraan dalaman sesebuah negara ini akan membolehkan kemajuan serta kepesatan pembangunan sesebuah negara sejajar dengan perkembangan negara lain. Untuk menjamin kesejahteraan kepada penduduk, kerajaan mengadakan perjanjian-perjanjian dengan negara-negara luar. Perjanjian ini bertujuan mewujudkan kerjasama terutama di dalam bidang politik dan ekonomi. Ini akan menghasilkan keuntungan kepada kedua-dua negara bagi kesejahteraan rakyatnya. Oleh itu, dasar luar perlu dibentuk dengan matlamat untuk memenuhi kekurangan-kekurangan dalam negeri seperti bahan mentah, keperluan rakyat dan sebaliknya¹¹.

Sebahagian negara di dunia ini bercita-cita untuk mempunyai prestasi yang baik agar dihormati oleh negara-negara lain. Ini bertujuan memperolehi pengiktirafan taraf di kalangan negara-negara di dunia. Sesbuah negara itu akan dihormati sekiranya pentadbiran negara berjaya membawa ke mercu kejayaan. Untuk mencapai maksud ini, dasar luar itu mestilah bersifat tegas dalam kebanyakan hal¹². Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi dasar luar sesebuah negara, antaranya ialah pimpinan sesebuah kerajaan. Pada kebiasaan, peranan pembuat keputusan yang utama adalah terletak pada ketua negara. Oleh itu, sesuatu dasar luar adalah bergantung kepada pemerintahan negara. Sebarang pertukaran pucuk pimpinan sesebuah negara, biasanya akan membawa kepada pertukaran beberapa dasar yang sedia ada. Ini bergantung kepada latar belakang seseorang pemimpin sama ada dipilih oleh rakyat atau diperintah oleh tentera¹³. Oleh itu, golongan terpilih ini atau *The chosen few* merupakan tunggak utama bagi kepimpinan yang mereka anggotai¹⁴.

Kesedaran politik antarabangsa di kalangan rakyat sesebuah negara pada hari ini adalah semakin meningkat. Ini menunjukkan bahawa pandangan serta pendapat umum masyarakat pada hari ini lebih kritikal serta mengikut peredaran masa. Pendapat rakyat ini ialah pandangan yang disuarakan oleh kumpulan-kumpulan tertentu di kalangan rakyat seperti kumpulan pendesak. Antaranya parti-parti politik, pertubuhan-pertubuhan sosial yang sah dan sebagainya. Pandangan ini disuarakan melalui berbagai-bagai cara sama ada melalui media massa, demonstrasi atau ucapan-ucapan tertentu. Pandangan umum ini merupakan hasrat rakyat negara itu sendiri¹⁵. Tidak dapat dinafikan bahawa dalam negara

yang mengamalkan sistem demokrasi, pandangan serta pendapat rakyat adalah amat diutamakan. Ini disebabkan rakyat merupakan pemberi mandat serta pemilih kerajaan yang memerintah bagi negara itu.

Satu lagi faktor yang menentukan pembentukan dasar luar ialah undang-undang antarabangsa. Undang-undang antarabangsa yang wujud di dunia ini adalah hasil persetujuan antara negara-negara di dunia mengenai sesuatu peraturan. Di dalam proses pembentukan dasar luar sesebuah negara, kadang kala perlu diambil kira kepentingan undang-undang antarabangsa. Walaupun sesebuah negara tidak terikat dengan undang-undang antarabangsa secara kasar, tetapi ia adalah satu peraturan umum yang perlu dihormati serta dipatuhi oleh negara-negara di dunia¹⁶. Keadaan ini lebih ketara dalam masyarakat yang berpendidikan serta mempunyai kesedaran politik yang tinggi. Masyarakat seperti ini sangat sentitif dengan perubahan sekeliling. Pandangan mereka perlu diberi pertimbangan teliti. Oleh itu, kepentingan nasional bukan bermaksud kepentingan politik sahaja, kepentingan ini perlu mempunyai satu panduan, keseragaman pemikiran dan aturan untuk kepentingan bersama¹⁷.

Latar Belakang Kajian

Kemunculan Singapura dalam politik antarabangsa sebagai sebuah negara yang berdaulat dan berkerajaan sendiri telah mendapat perhatian dunia. Persoalan kelangsungan dan rentetan kejayaan telah mendapat pengamatan luas. Ini ditambah pula dengan kedudukan yang

cukup strategik dengan sistem jalan laut yang menghubungkan antara lautan Hindi dengan lautan Pasifik. Ini membolehkan Singapura menjadi sebuah pelabuhan bagi persinggahan pedagang-pedagang asing. Oleh itu, ia menjadi pusat tumpuan dari segenap pelusuk dunia bagi pergerakkan perdagangan dan migrasi penduduk. Ini dikait pula dengan sistem pelabuhan bebas yang telah diperkenalkan, membolehkan pelbagai negara tertumpu di sini.

Sebarang perbincangan mengenai dasar luar Singapura tidak dapat lari daripada persoalan mengenai kedudukan Singapura dari aspek geografi, demografi, ekonomi dan latar pengalaman politik yang telah dilalui oleh Singapura semenjak kemunculannya dalam politik antarabangsa pada 6 haribulan Ogos 1965¹⁸. Singapura merupakan sebuah pulau yang terletak di penghujung Selat Melaka yang dilingkungi oleh Malaysia di sebelah utara dan kepulauan Indonesia di sebelah selatan. Oleh itu, Singapura yang dikenali sebagai *The city-state* atau *The island state*¹⁹ telah menjadi perhatian perbincangan. Sebagai sebuah negara yang kecil yang dilingkungi Malaysia dan Indonesia, Singapura tidak dapat lari daripada menghadapi dilema. Lebih-lebih lagi 76 peratus daripada penduduknya berbangsa Cina. Ini bukan sahaja menimbulkan masalah dalam hubungannya dengan negara jiran yang berbangsa Melayu, malah ia juga mengalami masalah apabila menjalani hubungan dengan Republik Rakyat China²⁰.

Singapura merupakan satu-satunya negara di Asia Tenggara yang dikuasai oleh orang Cina. Penduduk Cina bukan sahaja menguasai faktor politik dan pentadbiran, malah mereka juga menguasai ekonomi

dan sosial. Dengan kedudukan ini, ia telah muncul sebagai sebuah negara paling berjaya di rantau Asia Tenggara. Dengan kedudukan *Chinese state* dalam *The Malay world*, Singapura mengambil sikap berhati-hati dalam menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara lain. Lebih-lebih lagi hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China dikuatirikan akan memperkuatkan kembali konsep kecinaan Singapura. Hal ini dikuatirikan akan menghancurkan sebuah negara bangsa yang berteraskan kepada penglahiran satu bangsa ‘Singapura’²¹.

Walaupun Singapura tidak mempunyai sebarang hasil bahan mentah, kedudukannya merupakan aset yang paling utama yang membawanya kepada kemajuan. Di samping itu, boleh membawa kepada peperangan dan pertelingkahan di kalangan negara-negara serantau. Negara-negara besar juga berminat untuk memenuhi kepentingan mereka²². Mengikut S. Rajaratnam, bekas Menteri Luar Singapura, “*We are valuable in war as a strategic asset. We are a great commercial centre. So whether it is peace or war, we cannot escape the consequences of whatever happens in the Pacific*”²³. Justeru itu, S. Rajaratnam telah menegaskan bahawa kejayaan Singapura dalam aspek ekonomi berkait rapat dengan konsep *global city*. Bagi mengekalkan kelangsungannya, Singapura harus mewujudkan hubungan yang lebih rapat dengan sistem ekonomi yang lebih bersifat global daripada hanya bersifat regional²⁴. Oleh itu, segala keputusan atau tindakan yang diambil haruslah berdasarkan kepada pertimbangan agar ia tidak membawa sebarang konflik dengan negara jiran, ataupun dengan negara asing lain.

Perbincangan dasar luar Singapura ini tidak dapat lari daripada fahaman serantau. Pembuat dasar, seringkali menjadikan ASEAN sebagai batasan terhadap fahaman serantau ini. Konsep berjiran mewujudkan perhubungan yang diperlukan di antara negara-negara berkenaan. Singapura tidak yakin terhadap kemampuannya untuk berdikari sepenuhnya tanpa sokongan negara lain, sama ada di dalam bidang ekonomi, sosial, politik dan sebagainya. Kedekatan jarak dari sudut geografi menjadi faktor penting dalam membentuk interaksi antara negara yang berjiran, lebih-lebih lagi apabila kedudukan kawasan serantau adalah terasing secara semula jadi. Dalam hal ini, kawasan serantau mempunyai ciri-ciri persamaan yang boleh dilihat dari struktur geografi, ekonomi dan sosiobudaya²⁵. Persamaan sosiobudaya dari segi bahasa, agama, ideologi, ethnik, adat istiadat dan lain-lain menjadi pendorong utama ke arah keserantauan²⁶. Keberkesanan keserantauan bergantung kepada jenis-jenis masalah yang dihadapi oleh negara-negara serantau²⁷. Namun begitu, dasar luar Singapura dalam konteks yang lebih luas, bukan sahaja ditentukan oleh negara-negara yang berjiran. Ia perlu mengambil kira perkembangan di luar rantau yang menjadi pemungkin dalam menentukan perkembangan Singapura dari segenap aspek.

Walaupun begitu, kajian mengenai dasar luar Singapura khususnya dari sudut masyarakat Malaysia sendiri masih terbatas sifatnya. Seringkali kelihatan kecenderungan para pengkaji Malaysia hanya membuat ulasan dalam jurnal atau makalah-makalah apabila wujud sesuatu tindakan yang diambil oleh Singapura yang boleh mendatangkan konflik. Sebagai contoh, hasil tulisan A. Rahman Muda

dalam *Dewan Masyarakat* seperti “Ke Mana Arah Singapura?”²⁸, “Kuan Yew dan Suharto Desak-Mendesak”²⁹ dan “Masalah Berjiran Dengan Singapura”³⁰ jelas memperlihatkan perkara ini. Begitu juga dengan hasil tulisan Che Mahzan Ahmad dalam *Dewan Masyarakat* seperti “Apabila Lee Kuan Yew Memperkatakan Soekarno...”³¹, “Pertahanan Singapura : Apa Muslihatnya”³² dan sebagainya seperti isu Pulau Batu Putih³³ yang dianggap kontroversi antara Malaysia dengan Singapura sering mendapat tempat dalam tulisan mereka.

Jelas kelihatan bahawa pengkaji-pengkaji banyak memberi tumpuan kepada dasar luar Singapura dalam buku-buku dan makalah-makalah ilmiah datangnya daripada pengkaji-pengkaji Singapura sendiri. Antara yang paling produktif melahirkan pandangan mereka ialah seperti Chan Heng Chee. Beliau lebih memberi tumpuan kepada perkara politik dalam analisisnya mengenai dasar luar Singapura. Antara hasil-hasil kajian beliau yang telah dibukukan ialah “Singapore Out of Malaysia : The Politics of Survival” (1967), “Singapore : The Politics of Survival, 1965-1967” (1971), “The Dynamics of One Party Dominance : A Study of Five Singapore Constituencies” (1976), “A Sensation of Independence: A Political Biography of David Marshall” (1984), editor bersama Jon S.T. Quah dan Seah Chee Meow, “Government and Politics of Singapore” (1985). Begitu juga dengan hasil tulisan beliau di makalah-makalah seperti “Singapore’s Foreign Policy 1965-1968”, dalam *Journal of Southeast Asian History*, “Singapore in 1981 : Planned Changes Unplanned Consequences” dalam *Asian Survey*, “Singapore in 1985 : Managing Political Transition and Economic Recession” dalam *Asian Survey* dan sebagainya³⁴.

Chin Kim Wah pula memberi penekanan kepada perkara pertahanan dan persenjataan dalam pemerihalan dasar luar Singapura. Antaranya karyanya ialah “The Five Power Defence Arrangement and AMDA” (1974), “The Defence of Malaysia and Singapore : The Transformation of a Security System, 1957-1971” (1983), “Defence Spending in Southeast Asia” (1987) dan “Peace and Security in Southeast Asia” (1988)³⁵. Alex Josey yang pernah bermastautin di Singapura pula memberikan penekanan kepada perkara kepimpinan. Beliau jelas memberi tumpuan kepada Lee Kuan Yew sebagai simbol terhadap kejayaan Singapura. Antaranya tulisannya ialah “Lew Kuan Yew : The Struggle for Singapore”, “Lew Kuan Yew”, “Lew Kuan Yew Vol. 2”, “Lew Kuan Yew and the Commonwealth” dan “Lee Kuan Yew in London”³⁶. Hasil-hasil tulisan beliau ini memperlihatkan bahawa faktor *leadership* atau personaliti Lee Kuan Yew sebagai sumber tunggak kecermelangan Singapura di bawah pentadbiran beliau. Aspek kepimpinan hasil tulisan berbentuk biografi ini membolehkan pengkaji-pengkaji mengetahui dengan lebih lanjut akan peribadi Lee Kuan Yew serta sumbangansumbangan yang telah beliau lakukan sepanjang pemerintahan sebagai seorang presiden pertama Singapura.

Sesuatu yang menarik tentang tulisan Lau Teik Soon pula ialah beliau lebih memberi tumpuan terhadap peranan Singapura dalam konteks antara jiran, lebih-lebih lagi Malaysia. Sebagai contoh hasil tesis Ph.d beliau pada 1971 bertajuk “Malaysia-Singapore Foreign Relations in Southeast Asia” jelas mengambarkan kenyataan ini. Begitu juga dengan hasil-hasil tulisan beliau dalam makalah seperti “Malaysia-Singapore Relations : Crisis of Adjustment, 1965-1968” dalam *Journal of Southeast*

Asian History, “Singapore and Its Neighbours : Trends in International Relations”, “The Challenge to ASEAN Political Co-Operation” dalam *Contemporary Southeast Asia*, “Shifting Alignments in Regional Politics” dalam *Southeast Asian Affairs 1986*, dan “The Role of Singapore in Southeast Asia” dalam *World Review*³⁷.

Lim Chong Yah pula memberi tumpuan kepada aspek ekonomi dalam pembentukan dasar luar Singapura. Sebagai contoh “Policy Options for the Singapore Economy”, “Economic Restructuring in Singapore” dan hasil kajian bersama antara Chee Meon Seah dan K.E. Shaw “Singapore Position in ASEAN Cooperation”³⁸. Terdapat juga beberapa artikel yang telah ditulis untuk mengupas akan persoalan ekonomi dari sudut dasar luar Singapura. Dasar ekonomi Singapura menjadi aset yang penting dalam menentukan kejayaan dan kecermelangan Singapura dan mendapat perhatian di kalangan negara-negara anggota ASEAN serta negara-negara lain. Sesuatu yang agak menarik tentang tulisan Bilveer Singh pula, ialah penekanan yang diberikan terhadap hubungan Singapura dengan bekas Kesatuan Soviet. Hasil-hasil tulisan beliau cenderung memperlihatkan sejarah permulaan Singapura dengan bekas Kesatuan Soviet sama ada dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Sebagai contoh “The Soviet Union in Singapore’s Foreign Policy : An Analysis”, “Evolution of Singapore’s Soviet Policy” dalam *Asian Affairs*, “Soviet-Singapore Relations : Perceptions and Policies” dan “Evolution of Singapore’s-Soviet Policy”³⁹.

Walaupun begitu, terdapat dua kajian latihan ilmiah bagi peringkat ijazah pertama telah dilakukan di Malaysia. Pertama oleh Nik

Abdul Aziz Hj. Md. Salleh bertajuk “Hubungan Malaysia-Singapura” dan kajian kedua oleh Kunaseelan Muniandy bertajuk “Hubungan Malaysia-Singapura Dari Tahun 1965-1975”. Kajian mereka ini bolehlah dianggap sebagai kajian yang berfokuskan kepada dasar luar Singapura, walaupun mereka hanya memberi penekanan kepada hubungannya dengan Malaysia sahaja. Sehingga kini, masih belum terdapat kajian di peringkat ijazah sarjana di Malaysia yang memberi penekanan kepada dasar luar Singapura secara menyeluruh. Diharap kajian ini dapat memberi penjelasan tentang dasar luar Singapura serta kelangsunganya di peringkat antarabangsa.

Tujuan Kajian

Kajian berikut adalah berkaitan hubungan antarabangsa Singapura, khususnya perkembangan dasar luarnya selepas berpisah daripada Malaysia. Pendekatan ini lebih menjurus kepada *political survivalnya* melalui hubungan kerjasama, sama ada dari aspek keserantauan mahupun dari aspek globalisme. Secara tidak langsung peranan yang dimainkan oleh Singapura dalam aspek hubungan antarabangsa berkait rapat dengan kerjasama dan konflik yang wujud, sama ada dari aspek politik, ekonomi dan keselamatan sebagai teras utama dalam kajian ini.

Singapura berusaha mengekalkan kedaulatannya melalui dasar-dasar yang diperkenalkan oleh pucuk pimpinannya. Kejayaannya mempunyai kaitan yang erat dengan penglibatannya dalam mencorak

tampuk pemerintahan dan hala cara yang dibawa oleh negara itu agar sejajar dengan pergolakkan semasa yang berlaku di dunia antarabangsa. Sebarang analisis tentang hal-ehwal Singapura tidak dapat lari dari merangkumi perbincangan tentang sejarah dan latar belakang penubuhan Singapura. Penubuhan sesebuah negara ditadbir mengikut sistem nilai dan kepercayaan yang dinamakan ideologi. Perkembangan ideologi ini memcerminkan suatu perkembangan tradisi politik dan sosial melalui dasar yang diperkenalkan. Kemampuan dan kemantapan sesuatu dasar itu mencorakkan arus perubahan sama ada membawa kesan positif, mahupun kesan negatif kepada negara itu.

Peranan yang dimainkan oleh Singapura dikatakan hasil keseragaman sistem politik dan sosiobudaya yang serupa seperti bahasa, agama, ideologi, ethnik, adat istiadat dan lain-lain yang menjadi pendorong utama ke arah konsep keserantauan. Faktor ini menjadi tumpuan utama yang akan menentukan matlamat yang ingin dicapai oleh Singapura dalam menempuh era yang semakin maju.

Bidang dan Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini berdasarkan kepada kaedah Sosiologi Sejarah⁴⁰. Kaedah yang akan digunakan ini bergantung kepada bukti-bukti yang dikutip dalam bentuk tulisan, sama ada berbentuk ilmiah atau rencana yang telah ditulis oleh para pengkaji. Sosiologi Sejarah adalah satu cabang sosiologi yang menggunakan data sejarah sebagai asas untuk membuat generalisasi saintifik. Ia mementingkan pola atau

kejadian-kejadian yang telah berlaku dari segi sejarah. Ia cuba mencari prinsip perkembangan sejarah yang seragam seperti yang dapat disimpulkan daripada peristiwa sejarah yang lalu.

Dalam menentukan arah aliran dasar luar Singapura ini, gabungan disiplin sosiologi dan sejarah diharap dapat memberi gambaran jelas untuk menentukan aliran yang telah dan akan dibawa oleh kerajaan Singapura dalam hubungan antarabangsa. Ini membolehkan suatu bentuk kupasan persoalan yang diharap dapat bersifat menyeluruh dari segenap aspek. Metodologi ini dapat dilihat dengan kenyataan Robert Lamb's yang menyatakan bahawa;

"We need models descriptive of the structures and functions of national and international communities at moment of time, and of their changes through time. These models should be made by students of entrepreneurship, working with political, social and economic historians. To build such models we need, for example, to trace the pattern of a given social structure... at a moment of time, study its connections with the surrounding community, and follow its changes over time"⁴¹.

Ini pula disokong dengan pendapat yang terkandung dalam kenyataan Lewis Namier bahawa :

"The subject matter of history is human affairs, men in action, things which have happened and how they happened; concrete events fixed in time and space, and their grounding in the thoughts and feelings of men - not things universal and generalized; events as complex and diversified as the men who wrought them, those rational beings whose knowledge is seldom sufficient, whose ideas are but distantly related to reality, and who are moved by reason alone"⁴².

Sesuatu yang terkandung dalam disiplin ini diharap menjadi rujukan bagi melihat perkembangan yang berlaku dalam dasar luar

Singapura. Kesedaran ruang dan masa, hasil daripada peristiwa yang berlaku dipersekitarannya berkait rapat dengan bentuk hubungan atau interaksi yang wujud antara negara. Thomas Cochran telah membuat satu kesimpulan bahawa :

"Much of the value of history, whether viewed aesthetically or scientifically, depends on assumptions or generalizations regarding anticipated uniformities in role-playing... Knowledge of the intricacy of role analysis can also guard the historian against over-simplified views of the pattern of social interaction"⁴³

Justeru itu, sesuatu dasar luar itu akan dilihat dari konsep dan falsafah yang terkandung di sebalik sesuatu keputusan itu dibuat. Kecenderungan dan keputusan yang diambil ini akan menjurus kepada kesesuaian dan kesinambungannya dalam politik antarabangsa. Persoalan-persoalan yang merujuk kepada konfigurasi, kerjasama dan konflik yang berlaku antara negara-negara jiran dalam lingkungan serantau akan dilihat sebagai satu fenomena yang tersendiri. Begitu juga, peranan Singapura terhadap dasar luarnya melalui konsep globalisme dengan negara-negara besar seperti Amerika Syarikat, Republik Rakyat China, Kesatuan Soviet (Russia) dan sebagainya dalam usaha untuk mengekalkan kelangsungannya, akan diberi perhatian.

Nota Akhir

1. Hubungan antarabangsa merupakan satu bidang yang meliputi aspek-aspek seperti kajian dan analisis dasar luar, pengajian keselamatan, pengajian strategik dan juga hubungan antarabangsa dalam maksud yang lebih umum. Hubungan antarabangsa ini mempunyai sifat dan elemennya yang tersendiri sehingga banyak pihak melihatnya sebagai bidang yang berkaitan dengan konsep *Struggle for Power*. Walau bagaimanapun hubungan antarabangsa adalah satu bidang yang melihat pelbagai fenomena dan bentuk hubungan yang wujud antara negara atau *states*.
2. Lihat K.J. Holsti, 1992, **International Relations : A Framework for Analysis**, sixth edition, New Jersey, Prentice-Hall International, Inc., hal. 9; dan lihat juga Joseph Frankel, 1963, **The Making of Foreign Policy : An Analysis of Decision Making**, Oxford, Oxford University Press, hal. 1.
3. Ibid., hal. 82
4. Klaus Knoor, 1975, **The Power of Nations : The Political Economy of International Relations**, New York, Basic Books, Inc., hal. 29.
5. K.J. Holsti, *op. cit.*, hal. 83.
6. Lihat K.J. Holsti, "The Comparative Analysis of Foreign Policy : Some Notes on the Pitfalls and Paths to Theory" dalam David Wurfel and Bruce Burton, 1990, **The Political Economy of Foreign Policy in Southeast Asia**, London, The Macmillan Press Ltd.
7. Lihat Bab 10, "National Security as an Ambiguous Symbol" dalam Arnold Wolfers, 1962, **Discord and Collaboration**, Baltimore, John Hopkins University Press, hal. 147-165.
8. Ibid, hal. 150.
9. Lihat Klaus Knoor, *op.cit.*, hal. 101.
10. Untuk maklumat lanjut mengenai konsep negara berkecuali ini lihat Hans Kochler (ed.), 1982, **The Principles of Non-Alignment**, London, Third World Center; Nikolaos A. Stavrou (ed.), 1980, **Edvard Kardlej: The Historical Roots of Non-Alignment**, Washington D.C., University of Press America; Rikhi Jaipal, 1983, **Non-Alignment : Origins, Growth and Potential for World Peace**, New Delhi, Allied Publishers Private Limited; dan A.W. Singham (ed.), 1977, **The Non-Aligned Movement in World Politics**, Westport, Connecticut, Lawrence Hill & Co.

11. Lihat David Wurfel and Bruce Burton, op. cit., hal. 1-2.
12. Lihat K.J. Holsti, *op. cit.*, hal. 107-109.
13. Lihat Klaus Knoor, *op.cit.*, hal. 120.
14. Teori Elit menurut Vilfredo Pareto dan Gaetano Mosca menganggap bahawa elit sebagai satu sifat masyarakat dan tidak dapat dihapuskan. Perbezaan semulajadi di kalangan manusia atau kuasa yang lebih tinggi yang biasanya dimiliki oleh sesuatu kelompok minoriti dalam hubungannya dengan kelompok minoriti yang tidak tersusun - lihat Vilfredo Pareto, 1963, **A Treatise on General Sociology**, New York, Dover Publications dan Gaetano Mosca, 1939, **The Ruling Class**, 1923, New York, McGraw Hill, hal. 50.
15. Lihat Tom Bottomore, "Gerakan Sosial, Parti dan Tindakan Politik" dalam **Sosiologi Politik**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 40-61 dan lihat juga Vincent Lowe, "Komunikasi Politik" dalam Y. Mansoor Marican, 1982, **Dasar Ilmu Politik**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 235-238.
16. Sebagai contoh lihat Kriangsak Kittichaisaree, 1987, **The Law of the Sea and Maritime Boundary Delimitation in South-East Asia**, Singapore, Oxford University Press dan untuk maklumat lanjut lihat Burns H. Weston, Richard A. Falk and Anthony A. D'Amato (eds.), 1980, **Basic Documents in International Law and World Order**, St. Paul, Minn., West Publishing Co.
17. Lihat Karl W. Deutsh, 1978, **The Analysis of International Relations** (second edition), Englewood Cliffs, New Jersey, Prentice Hall Inc., hal. 55-61.
18. Lihat Mohamed Noordin Sopiee, 1974, **From Malayan Union to Singapore Separation : Political Unification in the Malaysia Region - 1945-65**, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, bab VIII - "The Separation of Singapore From Malaysia", hal. 183-229; dan lihat juga Nancy McHenry Fletcher, 1971, **The Separation of Singapore From Malaysia**, Data Paper No. 73, New York, Cornell University Southeast Asia Program.
19. *City-state* atau *Island-state* juga sering digunakan untuk menggambarkan betapa Singapura sebagai sebuah negara bandar yang maju dan mempunyai daya saing yang tinggi. Lihat hasil-hasil tulisan Seah Chee Meow, "Whither the City-State : Challenges of Security and Stability", dalam Seah Chee Meow (eds.), 1975, **Trends in Singapore**, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, Ezra F. Vogel, "A Little Dragon Tamed" dalam Kernal Singh Sandhu dan Paul Wheatley (eds.) 1989, **Management of Success : The Moulding of Modern Singapore**. Singapore, Institute of Southeast Asian Studies dan lain-lain tulisan yang berkaitan dengannya.

20. Lihat Obaid Ul Haq, "Foreign Policy" dalam Jon S.T. Quah et. al, 1985, **Government and Politics of Singapore**, Singapore, Oxford University Press, hal. 280; lihat juga Chan Heng Chee, "Singapore Foreign Policy, 1965-1968" dalam *Journal of Southeast Asian History*, Vol. X, No. 1, March 1969, hal. 171.
21. Untuk maklumat lanjut mengenai konsep *Singaporean* ini, lihat Jon S.T. Quah, "Singapore : Towards a National Identity" dalam *Southeast Asian Affairs* 1977, Institute of Southeast Asian Studies, FEP International LTD, hal. 207-219, lihat juga Chiew Seen-Kong, "The Socio-Cultural Framework of Politics" dalam Jon S.T. Quah, Chan Heng Chee dan Seah Chee Meow, 1985, **Government and Politics of Singapore**, Singapore, Oxford University Press, hal. 45-67. Lihat juga Sharon Siddique, "Singaporean Identity" dalam Kernal Singh Sandhu dan Paul Wheatley (eds.), *op. cit.*, hal. 563-577.
22. Obaid Ul Haq, "Foreign Policy" *op. cit.*, hal 280; Chang Heng Chee, "Singapore Foreign Policy, 1965-1968", *op.cit.*, hal. 178.
23. *The Mirror*, 28 March 1966, hal. 1
24. Lihat Lee Boon Hiok, "Constraints On Singapore's Foreign Policy", dalam *Asian Survey*, Vol. XXII, No. 6, June 1982, hal. 526.
25. Bruce M., Russett, 1973, "International Regions and International Systems", dalam Falk, R.A. dan Mendlovitz, S.H. (ed.), *op. cit.*, hal. 183.
26. Lihat Karl W. Deutsch, *op. cit.*, hal. 226-238; lihat juga Roland Yalem, 1973, "Theories of Regionalism", dalam Falk, R.A. dan Mendlovitz, S.H. (ed.) **Regional Politics and World**, San Francisco, Freeman and Company, hal. 220. Untuk maklumat lanjut mengenai sahaman *regionalism* ini, lihat Berhanykun Andemicael, 1979, **Regionalism and the United Nations**, New York, Oceana Publications, Inc.
27. Inis L., Claude, 1973, **Swords Into Plowshares : The Problem and Progress of International Organization**, New York, Random House Incorporated. hal.103.
28. Lihat A. Rahman Muda, "Ke Mana Arah Singapura?" dalam *Dewan Masyarakat*, November 1989 : 24-25.
29. Lihat A. Rahman Muda, "Kuan Yew dan Suharto Desak - Mendesak" dalam *Dewan Masyarakat*, Mei 1985 : 34-35.
30. Lihat A. Rahman Muda, "Masalah Berjiran dengan Singapura" dalam *Dewan Masyarakat*, Oktober 1991 : 32-33.

31. Lihat Che Mahzan Ahmad, "Apabila Lee Kuan Yew Memperkatakan Soekarno..." dalam *Dewan Masyarakat*, Oktober 1990 : 8-9.
32. Lihat Che Mahzan Ahmad, "Pertahanan Singapura : Apa Muslihatnya" dalam *Dewan Masyarakat*, April 1990 : 26-27.
33. Isu Pulau Batu Putih ini menarik perhatian ramai pengkaji dan masyarakat yang mengikuti perkembangannya, lebih-lebih lagi ia melibatkan hubungan antara Malaysia dengan Singapura. Maklumat lanjut isu Pulau Batu Putih ini akan diperbincangkan dalam Bab 3 Keselamatan Nasional Singapura.
34. Chan Heng Chee, 1976, **The Dynamics of One Party Dominance: A Study of Five Singapore Constituencies**, Singapore : Singapore University Press; 1971, **Singapore : The Politics of Survival, 1965-1967**, Kuala Lumpur : Oxford University Press; 1967, **Singapore Out of Malaysia : The Politics of Survival**, Ithaca, N.Y. : Cornell University dan **A Sensation of Independence: A Political Biography of David Marshall**, 1984, Singapore, Oxford University Press, dan hasil kerja bersama dengan Jon S.T. Quah dan Seah Chee Meow (eds.), 1985, **Government and Politics of Singapore**, Oxford university Press. Lihat juga artikel-artikel beliau seperti Chan Heng Chee, "Singapore in 1985: Managing Political Transition and Economic Recession" dalam *Asian Survey*, Vol. XXVI, No. 2, February 1986 : 158-167; "Singapore in 1981 : Planned Changes Unplanned Consequences" dalam *Asian Survey*, Vol. XXII, No. 2, February 1982 : 219-225 dan "Singapore's Foreign Policy 1965-1968", dalam *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 10, No. 1, March 1969 : 177-191.
35. Chin Kin Wah, 1988, **Peace and Security in Southeast Asia**, Kuala Lumpur: Institute of Strategic and International Studies; 1987, **Defence Spending in Southeast Asia**, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies; (eds.), 1983, **The Defence of Malaysia and Singapore : The Transformation of a Security System, 1957-1971**, Cambridge : Cambridge University Press dan **The Five Power Defence Arrangement and AMDA**, Occasional Paper No. 23, July 1974, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies.
36. Josey, Alex, 1980, **Lew Kuan Yew : The Struggle for Singapore**, Sydney: Angus and Robertson; 1980, **Lew Kuan Yew Vol. 2**, Singapore : Times Books International; 1971, **Lew Kuan Yew**, Singapore : Asia Pacific Press; 1969, **Lew Kuan Yew and the Commonwealth**, Singapore : D. Moore Press dan 1968, **Lee Kuan Yew in London**, Singapore : D. Moore Press.
37. Lau Teik Soon, "The Challenge to ASEAN Political Co-Operation" dalam *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 9, No. 2, September 1987: 106-112; "Shifting Alignments in Regional Politics" dalam *Southeast Asian Affairs 1986*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1986 : 3-11; "The Role of Singapore in Southeast Asia" dalam *World Review*, Vol. 19, No. 3, August 1980 : 34-44 dan "Singapore and Its Neighbours : Trends in International Relations", dalam Seah Chee Meow, ed., **Trends in Singapore : Proceedings and Background Paper**, Singapore, Singapore University Press for Institute Southeast Asian Studies, 1975 : 39-50 dan "Malaysia-Singapore Relations :

Crisis of Adjustment, 1965-1968" in *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 10, No. 1, March 1969 : 155-176.

38. Lim Chong Yah et. al, 1988, **Policy Options for the Singapore Economy**, Singapore : McGraw Hill Book; 1984, **Economic Restructuring in Singapore**, Kuala Lumpur : Federal Publication dan Lim Chong Yah Chee Meon Seah and Shaw, K.E., 1979, **Singapore Position in ASEAN Cooperation**, Tokyo : Institute of Developing Economic.
39. Bilveer Singh, 1990, **The Soviet Union in Singapore's Foreign Policy : An Analysis**, "Evolution of Singapore's Soviet Policy" dalam *Asian Affairs*, (Dacca), Vol. 4, No. 2, 1992; "Soviet-Singapore Relations : Perceptions and Policies" dalam Pushpha Thambillai and Daniel C. Matsuzewski, (eds.), 1989, **The Soviet and the Asia-Pasific Region : Views from the Region**, New York : Praeger Publishers dan "Evolution of Singapore's Soviet Policy" dalam *Asian Affairs* (Dacca), Vol. 4, No. 2, 1982.
40. Untuk maklumat lanjut mengenai metodologi *Sosiologi Sejarah* ini lihat Semour Matin Lipset dan Richard Hofstadter, 1968, **Sociology and History: Methods**, New York, Basic Books, Inc., Publishers dan lihat juga Peter Burke, 1980, **Sociology and History**, London, George Allen & Unwin.
41. Lihat Robert K. Lamb, "The Entrepreneur and the Community" in William Miller, ed., 1952, **Men in Business**, Cambridge, Harvard University Press, hal. 93.
42. Lihat Lewis Namier, "History and Political Culture" in Frit Stern, (ed.), 1956, **The Varieties of History**, New York, Meridian Books, hal. 372.
43. Thomas C. Cochran, "The Historian's Use of Social Role", in Louis Gottschalk, (ed.), 1963, **Generalization in the Writing of History**, Chicago : University of Chicago Press, hal. 107-108.